

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**SOALAN :**

Tuan Manivanan A/L Gowindasamy minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

- (a) rasional Kerajaan menurunkan tarif elektrik hanya bagi pengguna yang menggunakan lebih daripada 300/kwj sebulan. Bagaimana dasar ini akan membantu warga domestik yang menggunakan 300/kwj dan ke bawah sebulan; dan
- (b) jumlah wang tenaga boleh diperbaharui (Renewable Energy Fund) yang telah dikutip daripada pengguna elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad bagi pihak Sustainable Energy Development Authority (SEDA) bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Rasional Kerajaan menurunkan tarif elektrik hanya bagi pengguna yang menggunakan lebih daripada 300/kWj sebulan adalah kerana pengguna-pengguna yang menggunakan elektrik 300/kWj sebulan dan ke bawah pada ketika ini telah pun diberikan bantuan seperti berikut:
  - a. kadar tarif untuk jaluran asas (*Lifeline Band 0-200/ kWj*) kekal pada 21.8 sen/kWj semenjak 1997;
  - b. kadar tarif untuk penggunaan 201-300 /kWj sebulan telah dikekalkan pada 33.4 sen/kWj semenjak 2009; dan
  - c. penggunaan 200/kWj ke bawah sebulan telah diberikan rebat sebanyak RM20 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Jumlah kutipan daripada pengguna-pengguna elektrik oleh TNB untuk dimasukkan dalam Dana Tenaga Boleh Baharu (*RE Fund*) bagi menggalakkan penjanaan Tenaga Boleh Baharu adalah seperti berikut:

<b><u>TAHUN</u></b>	<b><u>JUMLAH KUTIPAN</u></b>
2012	RM 294, 075,131.71
2013	RM 321, 750,160.78
2014	RM 588, 437,832.14
2015	RM 51, 767,134.09
<b>JUMLAH</b>	<b>RM1, 256,030,258.72</b>
<b>Jumlah Diberikan kepada SEDA untuk menguruskan <i>RE Fund</i></b>	<b>RM1, 151,263,445.00</b>

\*\*\*\*\*

**SOALAN ( 532 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) punca kegagalan pelaksanaan Program Kitar Semula, Pengurangan Sampah dan Guna Semula (3R) selama ini. Apakah tindakan Kerajaan, jika ada, untuk mengatasi kegagalan ini; dan
- (b) rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang pelaksanaan Program Kitar Semula, Pengurangan Sampah dan Guna Semula (3R) di kawasan perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR). Bagaimana Kerajaan berhasrat untuk membantu Joint Management Body (JMB)/Management Corporation (MC) untuk menyelaraskan isu persekitaran dan/atau pembersihan di kawasan perumahan PPR.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menjayakan pelaksanaan program 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) melalui pelbagai program, kempen kesedaran, penyediaan kemudahan dan undang-undang yang khusus bagi tujuan tersebut namun masih terdapat kekangan untuk menjadikan ianya sebagai satu amalan dan budaya dalam kehidupan kerana:
- (i) Tahap kesedaran masyarakat mengenai keperluan untuk mengamalkan 3R serta sikap bertanggungjawab terhadap kebersihan dan amalan pemeliharaan alam sekitar masih lagi rendah di kalangan masyarakat;
- (ii) Semangat kesukarelaan di kalangan masyarakat untuk sama-sama memastikan perlaksanaan program kitar semula dan memastikan keadaan persekitaran sentiasa bersih dan indah

pada tahap yang belum memuaskan;

- (iii) Kesedaran sivik yang masih rendah di mana masyarakat beranggapan ianya bukan tanggungjawab mereka dan mengharapkan pihak yang berkuasa sahaja yang sepatut menguruskan perkara tersebut; dan
  - (iv) Kemudahan 3R masih lagi tidak mencukupi dan menyeluruh.
- (b) Pihak kerajaan menyedari akan cabaran-cabaran yang akan dihadapi dalam pelaksanaan program kitar semula dan kebersihan di rumah-rumah bertingkat terutamanya PPR. Dalam hal ini, pihak kerajaan akan bekerjasama dengan Joint Management Body (JMB)/Management Corporation (MC) dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) bagi menubuhkan program Komuniti 3R dan program pengkomposan sisa makanan selain dari mengadakan kutipan barang kitar semula dan sampah pukal sebanyak sekali seminggu oleh syarikat konsesi.

Bagi melaksanakan program jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk Program 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) di kawasan perumahan, pendekatan strategik kaedah C4E iaitu *communicate* (berkomunikasi), *educate* (mendidik), *engage* (melibatkan), *empower* (memberi tanggungjawab) dan *enforce* (menguatkuasa) dan pendekatan *Winning The Hearts And Minds* (WHM) merupakan elemen penting untuk memastikan perlaksanaan program tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015

**SOALAN ( 533 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan perkembangan mengenai cadangan untuk membina sebuah Balai Bomba dan Penyelamat di Parlimen Kapar khususnya di DUN Sementa dan/atau DUN Meru. Apakah langkah-langkah Kerajaan secara proaktif untuk memastikan sebuah Balai Bomba dan Penyelamat dibina di Parlimen Kapar dalam masa yang terdekat.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Balai Bomba di kawasan Kapar/ Meru telah diluluskan untuk pembinaan. Pembinaan balai bomba berkenaan dijangka akan dimulakan sebelum pertengahan tahun 2015.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015